

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMINAR KEBANGSAAN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA: PEMBANGUNAN
KE ARAH WAWASAN 2020

TEMPAT: UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM), SINTOK, KEDAH

TARIKH: 07 MAY 1992

MASA:

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah dan taufikNya saya dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di majlis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Induk Seminar Kebangsaan Bekas Perajurit Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan Seminar ini.

2. Saya merasa bangga di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini kerana ini menunjukkan sokongan tuan-tuan dan puan-puan terhadap program yang dijalankan bersama oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Saya yakin dengan adanya sokongan sektor swasta dan juga agensi-agensi Kerajaan, seminar kebangsaan ini akan dapat menghasilkan cadangan-cadangan yang bernas yang boleh meningkatkan lagi taraf hidup bekas perajurit di negara ini.

3. Kita sama-sama maklum bahawa angkatan tentera Malaysia merupakan tulang belakang pertahanan negara. Anggota-anggota tentera memainkan peranan penting dalam menjamin keamanan dan kestabilan negara dan membolehkan negara menjadi maju dan makmur.

4. Walaupun jasa dan khidmat bakti anggota angkatan tentera amat besar tetapi terdapat sedikit kelainan di antara anggota-anggota angkatan tentera dengan ahli-ahli perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang beruniform yang lain seperti anggota-anggota polis, perkhidmatan penjara dan sebagainya. Oleh kerana askar dikehendaki terdiri daripada orang yang muda yang mampu memikul senjata dan bertugas dalam keadaan yang mendesak, maka jangkamasa untuk berkhidmat sebagai anggota tentera adalah terhad kepada 21 tahun melainkan bagi pegawai kanan. Ini bermakna askar biasa akan bersara dalam umur yang muda di waktu mana mereka masih mampu bekerja. Mereka tidak diberi pencen tetapi hanya saguehati serta latihan dalam jurusan yang boleh membantu mencari kerja dan pendapatan. Dengan itu usaha dan pertimbangan istimewa diberi oleh Kerajaan untuk mereka mendapat lain-lain kerja atau kemudahan seperti lesen dan sebagainya. Sudah tentu tidak semua yang akan mendapat kemudahan-kemudahan ini. Begitu juga bagi kumpulan yang termasuk di dalam peringkat yang kedua yang berpencen dalam

lingkungan umur antara 41 hingga 45 tahun terpaksa juga mencari pekerjaan yang lain bagi menampung kekurangan pendapatan selain daripada pensen yang diterima oleh mereka.

5. Dari zaman ke zaman, terutama di negara-negara yang mempunyai angkatan tentera, soal kebajikan bekas perajurit ini ditimbulkan. Selalunya di sesebuah negara yang baru sahaja melalui peperangan dan jikalau keadaan ekonomi negaranya kucar-kacir, bekas perajuritlah yang menghadapi kerumitan hidup.

6. Di negara di mana peperangan berlaku buat masa yang panjang, bekas perajurit terpaksa berbuat apa sahaja untuk menyara hidup dan mereka di antara perajurit yang memihak kepada pihak musuh pula sungguh sukar hendak mendapat pekerjaan dan ramai di antara mereka merana. Di antaranya ialah mereka yang kehilangan anggota.

7. Bekas perajurit di Malaysia bolehlah dikatakan lebih beruntung daripada bekas perajurit di negara-negara lain oleh sebab jumlahnya tidak begitu ramai, dan Kerajaan mampu memberi berbagai-bagai bentuk bantuan. Dengan ekonomi yang kukuh peluang pekerjaan bagi mereka yang berminat dan mampu adalah mencukupi. Oleh yang demikian, kebajikan mereka tidaklah menjadi masalah yang tidak dapat diatasi.

8. Dengan itu masalah yang dihadapi oleh Persatuan Bekas Perajurit di negara kita ini ialah untuk menjamin kesejahteraan hidup ahli-ahlinya setanding dengan taraf ekonomi negara yang berkembang.

9. Oleh kerana negara kita stabil dan ekonominya kukuh dan ramai yang berasa terhutang budi kepada perajurit serta ramai yang bermurah hati, kita boleh mengadakan tabung kutipan derma bekas-bekas perajurit yang berkemungkinan mendapat sumbangan daripada para dermawan.

10. Kerajaan pula, melalui Kementerian Pertahanan, menjamin agar semua perajurit yang akan bersara disediakan latihan dalam pelbagai bidang mengikut kecenderungan masing-masing supaya mereka memiliki kebolehan tertentu apabila bersara. Bahkan mereka diberi peluang melengkapkan diri sebelum bersara oleh kerana kita tahu, jikalau mereka mengganggu, seisi keluarga akan mengalami kesempitan hidup.

11. Semenjak tahun 60an lagi, pihak Kerajaan, badan-badan berkanun serta swasta telah mengutamakan pengambilan kakitangannya daripada kalangan bekas perajurit. Begitu jugalah dengan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk memulakan perniagaan atau perusahaan. Bahkan ada di antara pengusaha dan peniaga bekas perajurit telah berjaya hingga menjadi jutawan. Contoh kejayaan ini, antara lain, ialah di bidang perniagaan runcit, perusahaan makanan dan minuman, khidmat sekuriti dan juga di bidang pelancongan.

12. Yang sebenarnya, bekas perajurit kita berdedikasi dan latihan mereka sebagai perajurit memberi sikap dan kebolehan

yang amat sesuai untuk menghadapi cabaran hidup.

13. Sifat-sifat mulia ini yang disemat ke dalam kehidupan perajurit juga boleh menjadi asas kepada segala kejayaan. Kebanyakan bekas perajurit yang mencebur diri dalam perniagaan, perusahaan dan kerja-kerja lain yang telah berjaya, tidak langsung mendapat latihan dalam pengurusan kewangan atau dalam mengendalikan perusahaan.

14. Tetapi oleh kerana disiplin diri, semangat dan hati yang cekal serta teliti terhadap perkembangan kerjayanya akhirnya mereka berjaya. Dengan semangat yang kuat dan disiplin diri mereka berjaya menghadapi segala kerumitan perniagaan tanpa mengalah dan jatuh bangkrap. Mereka cepat memulihkan semula perniagaan dan perusahaan mereka.

15. Untuk memenuhi kehendak Wawasan 2020 yang penting ialah semangat berdikari. Selama ini Kerajaan telah menunjuk arah dan menyediakan segala kemudahan latihan dan peluang untuk meningkatkan pencapaian diri dalam semua bidang. Menjelang 2020 terpulanglah kepada setiap individu untuk mengesan peluang-peluang untuk diceburi. Saya yakin saudara-saudara sekalian sedar dan nampak bahawa peluang-peluang ini semakin bertambah di sekeliling kita.

16. Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, masalah yang dihadapi oleh Persatuan Bekas Perajurit berkisar kepada peningkatan kesejahteraan hidup ahli-ahlinya di dalam masyarakat yang meningkat mewah. Saya yakin Persatuan yang bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia untuk menganjurkan seminar ini akan membuahkan idea-idea baru untuk dilaksanakan dan diambil tindakan.

17. Perajurit dilatih bertahun-tahun "menggempur" musuh dan semangat menggempur ini hendaklah ditimbulkan dengan lebih hebat lagi untuk mencari peluang bagi keperluan diri sendiri dan keluarga. Apa yang diperlukan ialah mengubah sasaran kita dan kali ini yang hendak kita gempur ialah untuk mendapatkan peluang-peluang yang boleh menguatkan lagi ekonomi bekas perajurit hingga tercapai matlamat Persatuan boleh menyara hidup bekas perajurit dan keluarga seperti juga kakitangan Kerajaan yang berpencen.

18. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan seminar pada pagi ini dan dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Kebangsaan Bekas-bekas Perajurit.

Wabillahi taufik walhidayah wassallamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

